



## MENTERI SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH BAKAL DITADBIR OLEH PERKESO

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dijangka melaksanakan **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) pada tahun 2022**. Ini susulan Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 14 Julai 2021 telah bersetuju supaya **suri rumah diberikan perlindungan keselamatan sosial**.
2. SKSSR ini menyediakan perlindungan terhadap bencana domestik seperti kemalangan, penyakit ataupun kematian, dibuka kepada semua suri rumah yang dianggarkan seramai **2.99 juta orang**. Seramai **150,000 suri rumah dari isi rumah miskin dan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK)** akan dilindungi oleh Kerajaan, manakala bagi suri rumah yang lain, **penyertaan adalah secara sukarela**.
3. Pelaksanaan SKSSR wajar dijadikan agenda keselamatan sosial sebagai penggantian produktiviti kepada golongan suri rumah yang tidak mempunyai apa-apa perlindungan sekiranya mereka terlibat dalam bencana domestik atau mengalami keilatan yang mana sumbangan mereka mempunyai nilai ekonomi dalam pembangunan institusi kekeluargaan, ataupun *the Care Economy*.
4. Justeru, perlindungan keselamatan sosial adalah perlu bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan suri rumah memandangkan fungsi dan tugas mereka amat penting dalam institusi kekeluargaan dan pembangunan negara, apatah lagi dengan pandemik COVID-19 yang membuatkan peranan dan tanggungjawab mereka semakin mencabar dengan amalan norma baharu seperti bekerja dari rumah (BDR) dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran anak-anak di rumah (PdPR).

5. Buat masa ini, draf Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Suri Rumah sedang diperhalusi bersama oleh KSM dan Jabatan Peguam Negara sebelum mendapat kelulusan Jemaah Menteri untuk pembentangan di Parlimen dalam masa terdekat.

**DATUK SERI M. SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**9 OGOS 2021**